

**KAJIAN FAKTOR-FAKTOR PENENTU  
KECEKAPAN BANK PERKREDITAN RAKYAT  
(BPR) DI JAWA BARAT INDONESIA**

**YUSRI ILYAS**

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**2021**

**KAJIAN FAKTOR-FAKTOR PENENTU  
KECEKAPAN BANK PERKREDITAN RAKYAT  
(BPR) DI JAWA BARAT INDONESIA**

oleh

**YUSRI ILYAS**

**Tesis yang diserahkan untuk  
memenuhi keperluan bagi  
Ijazah Doktor Falsafah**

**Oktober 2021**

## PENGHARGAAN

Puji dan syukur kepada Tuhan Yang Maha Esa yang telah memberikan kurnia-Nya dan limpahan kasih sayang-Nya sehingga tesis ini dapat saya selesaikan. Setinggi-tingginya penghargaan saya tujukan kepada Dr. Fazelina Sahul Hamid, Dr Zarina Md Nor dan Prof. Dr. Anton Abdulbasah Kamil sebagai penyelia dalam kajian yang saya buat ini. Segala bimbingan, tunjuk ajar dan bantuan yang telah diberikan oleh penyelia sepanjang penyelidikan ini, hanya Tuhan Yang Maha Esa yang membalasnya.

Terima kasih juga kepada Dekan dan Timbalan Dekan Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh, Pensyarah dan kakitangan Universiti Sains Malaysia yang telah memberikan pelbagai sokongan, kemudahan untuk menyelesaikan tesis dan kajian saya, sehingga saya dapat memperoleh ijazah Doktor Falsafah di Universiti Sains Malaysia.

Saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ketua Yayasan, Rektor, wakil rektor, Dekan Fakultas Ekonomi, pensyarah dan kakitangan Universitas Islam Jakarta, serta Bank Perkreditan Rakyat Wilayah Jawa Barat Indonesia yang memberikan sokongan, motivasi dan doa sehingga saya dapat menyelesaikan kajian saya. Tidak lupa saya juga berterima kasih kepada isteri, anak dan saudara serta sahabat yang telah memberikan sokongan berbentuk material dan spiritual serta doa sehingga termakbul keinginan bersama keluarga untuk saya mendapatkan ijazah Doktor Falsafah di Universiti Sains Malaysia.

Yusri Ilyas

Pulau Pinang, Mei, 2021

## SENARAI KANDUNGAN

<b>PENGHARGAAN</b> .....	<b>ii</b>
<b>SENARAI KANDUNGAN</b> .....	<b>iii</b>
<b>SENARAI JADUAL</b> .....	<b>vii</b>
<b>SENARAI RAJAH</b> .....	<b>x</b>
<b>SENARAI SINGKATAN</b> .....	<b>xi</b>
<b>ABSTRAK</b> .....	<b>xii</b>
<b>ABSTRACT</b> .....	<b>xiv</b>
<b>BAB 1 PENGENALAN</b> .....	<b>1</b>
1.0 Pendahuluan .....	1
1.1 Latar Belakang Kajian.....	1
1.2 Pernyataan Masalah .....	16
1.3 Objektif Kajian.....	22
1.4 Persoalan Kajian.....	22
1.5 Kepentingan Kajian.....	22
1.6 Skop Kajian .....	24
1.7 Takrifan Istilah .....	29
1.8 Susun Atur Kajian .....	31
<b>BAB 2 TINJAUAN LITERATUR</b> .....	<b>32</b>
2.0 Pengenalan .....	32
2.1 Definisi dan Klafikasi Kecekapan.....	32
2.2 Pengukuran Kecekapan .....	39
2.2.1 Pengukuran Kecekapan Berorientasi Input .....	44
2.2.2 Pengukuran Kecekapan Berorientasi Output.....	47

2.3	Hubungan Input dan Output Dalam Pengukuran Kecekapan .....	51
2.4	Pencapaian Kecekapan dengan Analisis Envelopment Data (DEA) .....	52
2.5	Penentuan Kecekapan Dalam Perbankan .....	56
2.5.1	Pemboleh Ubah Dalaman .....	56
2.6	Perbezaan Antara Kecekapan BPR Konvensional dan BPR Syariah .....	66
2.7	Rangka Kerja Konseptual .....	67
2.8	Pemilikan dan Kecekapan .....	69
2.9	Kerangka Konseptual .....	73
2.10	Hipotesis.....	76
2.11	Rumusan.....	76
<b>BAB 3</b>	<b>KAEDAH PENYELIDIKAN.....</b>	<b>78</b>
3.0	Pengenalan .....	78
3.1	Sumber Data.....	78
3.2	Pemilihan Sampel.....	79
3.3	Reka Bentuk Sampel .....	81
3.4	Kaedah Pengumpulan Data .....	81
3.5	Pemboleh Ubah Kajian .....	82
3.6	Kaedah Analisis Data .....	82
3.7	Pendekatan Penyelidikan .....	94
3.8	Definisi Operasional dan Pengukuran Pembolehubah.....	94
3.9	Kaedah Penyelidikan.....	101
3.10	Kaedah Pengumpulan Data .....	102
3.11	Kaedah Analisis Data .....	102
3.12	Hipotesis Kajian .....	105
3.13	Analisis Kebolehpercayaan.....	106

3.13.1	Multicollinearity Test .....	106
3.13.2	Heteroscedasticity Test.....	107
3.13.3	Autocorrelation Test .....	107
3.14	Ujian Hipotesis.....	108
3.14.1	Analisis Regresi Tobit .....	108
3.14.2	Ujian F .....	108
3.14.3	Ujian t .....	110
3.14.4	Koefisien Determinasi ( $R^2$ ) .....	111
3.15	Rumusan.....	112
<b>BAB 4 KEPUTUSAN KAJIAN .....</b>		<b>113</b>
4.0	Pengenalan .....	113
4.1	Analisis Deskriptif .....	113
4.2	Ujian Multicollinearity, Heteroscedasticity dan Autocorrelation ke atas Pemboleh Ubah Kajian.....	131
4.3	Analisis Regresi Tobit.....	134
4.4	Analisis Regresi Tobit Data BPR Konvensional.....	136
4.5	Analisis Regresi Tobit Data BPR Syariah.....	140
4.6	Analisis Regresi Tobit Data BPR Saiz Kecil .....	143
4.7	Analisis Regresi Tobit Data BPR Saiz Besar.....	146
<b>BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN .....</b>		<b>150</b>
5.0	Pengenalan .....	150
5.1	Perbincangan Kajian .....	150
5.1.1	Analisis Max DEA.....	150
5.1.2	Analisis Regresi Tobit .....	151
5.2	Sumbangan Kajian .....	156

5.2.1	Sumbangan Kepada Bidang Ilmu Perbankan dan Bidang Ekonomi.....	156
5.2.2	Sumbangan Kepada Kerajaan.....	157
5.2.3	Sumbangan Kepada Ahli BPR dan Masyarakat .....	158
5.3	Limitasi Kajian.....	159
5.4	Cadangan Dasar.....	160
5.5	Kesimpulan .....	161
<b>SENARAI RUJUKAN .....</b>		<b>162</b>

## **LAMPIRAN**

## SENARAI JADUAL

	<b>Halaman</b>
Jadual 1.1	Data Jumlah Pembiayaan Kredit Bank Komersil dan Bank Perkreditan Rakyat..... 8
Jadual 1.2	Perbezaan Bank Komersil dengan Bank Perkreditan Rakyat.....10
Jadual 1.3	Perbezaan Fungsi Bank Komersil dan Bank Perkreditan Rakyat di Indonesia.....11
Jadual 1.4	Jumlah Bank komersil dan Bank Perkreditan Rakyat Secara Nasional .....12
Jadual 1.5	Populasi Penelitian .....28
Jadual 3.1	Taburan BPR Mengikuti Wilayah.....80
Jadual 3.2	Pembolehubah dari Bank Perkreditan Rakyat.....82
Jadual 3.3	Ringkasan Definisi Nisbah Pembolehubah... .....96
Jadual 3.4	Pembolehubah Bebas... .....99
Jadual 3.5	Ujian Statistik Durbin-Watson .....108
Jadual 4.1	Statistik Deskriptif 254 Bank Perkreditan Rakyat (BPR) di Jawa Barat Indonesia.....114
Jadual 4.2	Statistik Deskriptif Pinjaman Tak Berbayar (NPL) Bagi 254 Bank Perkreditan Rakyat (BPR) di Jawa Barat Indonesia.....115
Jadual 4.3	Usia Bank Perkreditan Rakyat (BPR) .....116
Jadual 4.4	Jumlah Aset Bank Perkreditan Rakyat (BPR)..... 117
Jadual 4.5	Nisbah Kredit Yang di Berikan BPR.....118
Jadual 4.6	Nisbah Ekuiti.....119
Jadual 4.7	Nisbah Pulangan Atas Aset (ROA) .....120
Jadual 4.8	Kecekapan BPR 0.00 Peratus Hingga 0.20 Peratus .....121
Jadual 4.9	Kecekapan BPR 0.21 Peratus Hingga 0.40 Peratus .....128



Jadual 4.10	Kecekapan BPR 0.41 Peratus Hingga 0.60 Peratus .....	129
Jadual 4.11	Kecekapan BPR 0.61 Peratus Hingga 0.80 Peratus .....	130
Jadual 4.12	Kecekapan BPR 0.81 Peratus Hingga 1.00 Peratus .....	131
Jadual 4.13	Hasil Ujian Multicollinearity.....	132
Jadual 4.14	Hasil Ujian Heteroscedasticity .....	133
Jadual 4.15	Hasil Ujian Regresi Tobit Data .....	134
Jadual 4.16	Hasil Pengujian Separa (Pengujian T-statistik).....	135
Jadual 4.17	Hasil Log Likelihood Ratio Test Data BPR Lengkap (keseluruhan).....	136
Jadual 4.18	Hasil Ujian Regresi Tobit Data BPR Konvensional .....	137
Jadual 4.19	Hasil Log Likelihood Ratio Test Data BPR Konvensional.....	138
Jadual 4.20	Hasil Pengujian Parsial (Pengujian T-statistik) Data BPR Konvensional .....	139
Jadual 4.21	Hasil Uji Regresi Tobit Data BPR Syariah .....	140
Jadual 4.22	Hasil Log Likelihood Ratio Test Data BPR Syariah.....	141
Jadual 4.23	Hasil Pengujian Parsial (Pengujian T-statistik) BPR Syariah.....	142
Jadual 4.24	Hasil Uji Regresi Tobit Data BPR Saiz Kecil.....	143
Jadual 4.25	Hasil Log Likelihood Ratio Test Data BPR Saiz Kecil .....	144
Jadual 4.26	Hasil Pengujian Parsial (Pengujian T-Statistik) Data BPR Saiz Kecil.....	145
Jadual 4.27	Hasil Ujian Regresi Tobit.....	146
Jadual 4.28	Hasil Log Likelihood Ratio Test.....	147
Jadual 4.29	Hasil Pengujian Parsial (Pengujian T-statistik).....	148
Jadual 5.1	Rumusan Hasil Analisis Max DEA.....	150
Jadual 5.2	Hasil Analisis Regresi Tobit Data Kajian (n=254).....	151

Jadual 5.3	Perbandingan Hasil Analisis Regresi Tobit Bagi BPR Syariah (n=20) Dengan BPR Konvensional (n=234).....	154
Jadual 5.4	Perbandingan Hasil Analisis Regresi Tobit Bagi BPR Saiz Besar Dengan Saiz Kecil .....	155

## SENARAI RAJAH

	<b>Halaman</b>
Rajah 2.1	Sempadan Pengeluaran dan Kecekapan .....34
Rajah 2.2	Langkah Berorientasi Input .....47
Rajah 2.3	Pengukuran Orientasi Input Berorientasi Output Selain Pulangan ke Skala (Return to Scale)..... 49
Rajah 2.4	Kecekapan Teknikal dan Alokatif Pendekatan Berorientasi Output..... 50
Rajah 2.5	Kerangka Konseptual.....75
Rajah 3.1	Pengambilan Keputusan Ujian F ..... 110
Rajah 3.2	Pengambilan Keputusan Ujian t ..... 111

## SENARAI SINGKATAN

AE	Alocative Efficiency
BI	Bank Indonesia
BPD	Bank Pembangunan Daerah
BCC	Barnes, Charnes, dan Cooper
BPR	Bank Perkreditan Rakyat
CRS	Constan Return to Scale
CCR	Charnes, Cooper, dan Rhodes
DMU	Decision Making Unit
DEA	Data Envelopment Analisis
DFA	Distribution Free Approach
KPRI	Koperasi Pegawai Republik Indonesia
KSP	Koperasi Simpan Pinjam
LAR	Loan to Asset Ratio
NPL	Non Performing Loan
OJK	Otoritas Jasa Keuangan
OLS	Ordinary Least Square
PTE	Pure Technical Efficiency
ROA	Return on Asset
RM	Ringgit Malaysia
ROI	Return on Invesment
SFA	Stochastic Frontier Analisis
TFA	Thick Frontier Approach
UMKM	Usaha Mikro Kecil Menengah
UKE	Unit Kegiatan Ekonomi

**KAJIAN FAKTOR-FAKTOR PENENTU  
KECEKAPAN BANK PERKREDITAN RAKYAT (BPR) DI WILAYAH  
JAWA BARAT INDONESIA**

**ABSTRAK**

Bank Perkreditan Rakyat (BPR) mempunyai peranan penting dalam ekonomi Indonesia kerana ia turut menyumbang kepada penyediaan modal untuk pasaran tempatan terutamanya kepada Usaha Mikro, Kecil dan Sederhana (UMKM). Oleh kerana itu, kerajaan Indonesia turut mempermudah penubuhan BPR dan ini menyumbang kepada peningkatan bilangan BPR di Indonesia. Sehubungan dengan ini, kajian berkaitan kecekapan BPR dalam menguruskan sumber yang dimiliki adalah penting untuk dijalankan. Secara khususnya, objektif kajian ini adalah untuk mengukur kecekapan BPR dan mengenalpasti pemboleh ubah bebas yang mempunyai pengaruh keatas tahap kecekapan BPR. Berdasarkan kajian lepas, tujuh pemboleh ubah bebas yang digunakan adalah pinjaman tidak berbayar (NPL), usia BPR, saiz BPR, jumlah kredit, jumlah ekuiti, pulangan atas aset (ROA), dan jenis BPR (konvensional ataupun Syariah). Kajian ini akan menggunakan kaedah Non- parametrik iaitu *Data Envelopment Analysis (DEA)* untuk menganalisis tahap kecekapan BPR. Selain daripada itu, regresi Tobit juga dijalankan bagi menentukan hubungan antara pembolehubah bersandar dengan pembolehubah tidak bersandar. Kajian ini menggunakan data panel 254 buah BPR di seluruh wilayah Jawa Barat bagi tempoh 2012 hingga 2016. Kajian ini mendapati bahawa tahap kecekapan BPR berbeza bagi semua sampel yang dikaji. Hasil kajian menunjukkan bahawa 249 BPR tidak cekap, empat BPR cukup efisien, tiga BPR cekap dan hanya dua BPR yang

sangat cekap dalam mengurus sumbernya. Selain daripada itu, usia BPR, saiz BPR, pembiayaan kredit, jumlah ekuiti dan jenis BPR didapati mempunyai pengaruh ke atas kecekapan BPR. Walau bagaimanapun, keputusan analisis ke atas 20 BPR jenis Syariah mendapati hanya pemboleh ubah saiz mempunyai kesan yang positif ke atas kecekapan BPR. Analisis yang dijalankan ke atas 234 BPR jenis konvensional menunjukkan pemboleh ubah saiz dan nisbah ekuiti mempunyai kesan yang positif, manakala pemboleh ubah nisbah pinjaman kepada jumlah aset mempunyai kesan yang negatif terhadap kecekapan. Ini menunjukkan bahawa penentu kecekapan bagi BPR Syariah adalah berbeza berbanding BPR konvensional. Selain daripada itu, dapatan kajian menunjukkan kecekapan BPR yang bersaiz besar dipengaruhi oleh saiz, risiko kredit dan jenis BPR sedangkan kecekapan BPR bersaiz kecil hanya dipengaruhi oleh saiz dan nisbah ekuiti. Kesimpulan yang dapat dibuat daripada dapatan kajian adalah lebih menjurus kepada ketidakcekapan sebahagian besar daripada BPR dalam menguruskan sumber yang dimiliki bagi menjana pendapatan yang optimum. Oleh kerana itu, adalah penting bagi pihak kerajaan Indonesia bersama Bank Indonesia (BI) dan Otoritas Jasa Keuangan (OJK) untuk bekerjasama dalam meningkatkan tahap kecekapan BPR ke aras maksimum dan menilai semula sistem operasi serta tadbir urus sedia ada. Kajian ini memberikan sumbangan yang besar kepada pembuat dasar, pihak BPR, ahli BPR dan masyarakat.

**STUDY OF FACTORS DETERMINING  
EFFICIENCY OF BANK PERKREDITAN RAKYAT (BPR) IN WEST JAVA  
INDONESIA**

**ABSTRACT**

Bank Perkreditan Rakyat (BPR) plays an important role in the Indonesian economy, as they contribute to the provision of capital for local industries, especially micro, small, and medium enterprises (UMKM). For that reason, the Indonesian government also facilitates the formation of new BPRs which contribute to the increase in the number of BPRs in Indonesia. Therefore, a study on the efficiency of BPRs in managing its resources is of high importance. Specifically, the objective of this study is to measure BPR's efficiency and identify the independent variables that affect the efficiency of BPRs. In line with previous studies, the seven independent variables used in this study are Non-Performing Loans (NPL), age, size of BPR, total credits, total equity, ROA, and type of BPR (conventional or sharia). This study uses a non-parametric method known as the Data Envelopment Analysis (DEA) in order to analyze BPR's efficiency. In addition, a Tobit regression is conducted to determine the relationship between the dependent and independent variables. This study uses a panel data of 254 BPRs throughout West Java for a period from 2012 to 2016. This study finds that the level of BPR's efficiency is different across all the sample that is studied. The findings show that 249 BPR are not efficient, four BPR are moderately efficient, three BPR are efficient and only two BPR are very efficient in managing their resources. In addition to that, age of BPR, size of BPR, credit financing, total equity, and type of BPR are found to have an impact on BPR efficiency. However, the results of the analysis on 20 sharia BPR show that only size

of BPR has a positive effect on BPR's efficiency. Analysis done on 234 conventional BPRs shows that size and equity ratio have a positive effect, whereas, loan to total asset has a negative effect on BPR's efficiency. This shows that the determinants of sharia BPR's efficiency are different compared to conventional BPR's. In addition, this study finds that the efficiency of big BPR is influenced by size, credit risk, and BPR type, while the efficiency of small BPR is only influenced by size and equity ratio. The conclusion that can be drawn from the findings of this study is the inefficiency of BPRs in managing their resources in order to generate optimal income. Therefore, it is important for the Indonesian government, together with the central Bank of Indonesia (Bank Indonesia) and the Financial Services Authority (OJK), to cooperate in increasing the efficiency level of BPR to its optimal level, and to reevaluate existing operating system and governance. This study makes a significant contribution to policymakers, BPRs, BPR's members, and the public.



# **BAB 1**

## **PENGENALAN**

### **1.0 Pendahuluan**

Kajian memberi fokus kepada faktor-faktor yang mempengaruhi kecekapan Bank Perkreditan Rakyat (BPR) di Jawa Barat Indonesia. Bab ini mengandungi latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, skop kajian, takrifan istilah dan susunatur kajian.

### **1.1 Latar Belakang Kajian**

Institusi kewangan memainkan peranan yang sangat penting dalam sektor ekonomi. Melalui institusi ini, pelbagai aktiviti ekonomi boleh dilaksanakan dan, diuruskan dengan baik dan tersusun. Aktiviti ekonomi ini dijalankan berdasarkan peraturan perbankan atau bukan perbankan. Pada amnya, aktiviti perbankan berjalan dengan lancar. Aktiviti ini dapat memenuhi pelbagai keperluan ekonomi negara. Pada masa ini, bank menguruskan penggubahan dana daripada orang awam untuk membiayai keperluan dana dan pelaburan modal kerja serta menyediakan perkhidmatan kewangan kepada syarikat, komuniti dan orang awam. Peranan institusi kewangan terus berkembang dalam pertumbuhan ekonomi negara. Institusi kewangan ini mula terbentuk secara berstruktur dan sistematik. Institusi ini juga mempunyai peranan yang amat penting dalam pengurusan sistem perbankan.

Kajian oleh Jamal Wiwoho (2014) mengariskan empat peranan utama institusi kewangan iaitu pemindahan aset, kecairan, simpanan dan transaksi. Institusi kewangan memainkan peranan dalam mengawal selia pemindahan aset. Aset adalah pemindahan dana kepada peminjam. Pengurusan kewangan yang dijalankan oleh

pihak bank dalam mengatur pemindahan aset ini dilakukan dengan teliti. Dalam proses ini, peminjam boleh memperolehi aset tetapi perlu membayar ansuran pada kadar yang dipersetujui di dalam perjanjian. Bank dan peminjam akan mematerai perjanjian sebaik sahaja pinjaman tersebut diluluskan. Seterusnya, institusi kewangan berperanan dalam membekalkan keperluan kecairan kepada perniagaan. Dalam hal ini pihak bank akan membantu menyediakan dana pinjaman untuk perniagaan besar atau perniagaan mikro seperti isi rumah. Dalam proses ini, bank juga mensyaratkan cagaran sebagai jaminan kepada peminjaman dana.

Peranan yang ketiga adalah penempatan semula pendapatan atau simpanan. Institusi kewangan memainkan peranan penting dalam membantu urusan tabungan untuk masa hadapan. Masih ramai yang tidak menyedari kepentingan simpanan untuk hari tua meskipun berpendapatan besar. Pendapatan semasa ini akan berkurangan apabila seseorang individu bersara. Oleh itu, institusi kewangan menyediakan kemudahan bagi menyimpan dana untuk masa hadapan. Pihak bank bukan sahaja memainkan peranan menyimpan wang dalam bentuk tabungan, tetapi juga dalam bentuk saham, tanah, rumah, aset dan sebagainya. Orang ramai boleh mengasingkan sebahagian daripada jumlah pendapatan mereka untuk melabur dalam aset masa hadapan.

Selain itu, institusi kewangan juga memainkan peranan dalam membantu proses transaksi wang. Urus niaga ini tidak terhad kepada pelanggan bank, tetapi juga kepada pelbagai pihak termasuk negara asing. Oleh itu, bank menjadi salah satu medium dalam proses transaksi bagi sektor perniagaan. Disebabkan itu, kerjasama perdagangan antara negara berkembang dengan pesat. Bank juga membantu proses urus niaga dalam bentuk perolehan, perkhidmatan atau penukaran mata wang. Melalui sistem perbankan, proses perdagangan antarabangsa dapat berjalan dengan

lancar. Selain itu, bank juga menyediakan kemudahan sepenuhnya dalam urusan niaga tempatan. Transaksi tunai atau cek adalah satu alternatif dalam transaksi semasa. Melalui institusi kewangan, orang awam boleh menguruskan pemindahan kewangan dengan lebih mudah dan selamat.

Di Indonesia, institusi kewangan dibahagikan kepada dua jenis, iaitu institusi kewangan perbankan dan institusi kewangan bukan perbankan. Institusi kewangan perbankan terbahagi kepada tiga iaitu bank pusat, bank komersial dan Bank Perkreditan Rakyat (BPR). Bank pusat di Indonesia yang dikenali sebagai Bank Indonesia mempunyai objektif untuk mencapai dan menjaga kestabilan nilai matawang rupiah. Dalam usaha mencapai matlamat ini, Bank Indonesia bertanggungjawab dalam menubuhkan dan melaksanakan dasar monetari, mengawal selia dan mengekalkan kelancaran sistem pertukaran mata wang asing dan mengawal selia dan mengawasi sistem perbankan. Bank komersial pula adalah bank yang boleh menyediakan perkhidmatan dalam transaksi pembayaran. Manakala, Bank Perkreditan Rakyat (BPR) adalah bank yang hanya menerima deposit dalam bentuk deposit berjangka, tabungan atau bentuk lain yang setara serta mengagihkannya sebagai perniagaan utamanya. BPR juga memfokuskan perkhidmatan kepada kelompok yang lebih kecil seperti masyarakat di daerah, sub-daerah atau desa. Asalnya, BPR adalah gabungan daripada Bank Kredit Luar Bandar yang terdiri daripada Bank Desa, Desa Lumbung, Bank Pasar, Bank Pekerja dan bank lain.

Seterusnya, institusi kewangan bukan perbankan terdiri daripada Institusi Pembiayaan Pembangunan, syarikat insurans, Koperasi Simpanan dan Pinjaman, syarikat awam pegadaian dan institusi dana pencen. Institusi Pembiayaan Pembangunan adalah institusi yang menyediakan pembiayaan dana dalam modal atau barangan secara bantuan. Syarikat insurans pula adalah sebuah institusi atau

syarikat yang menjamin pembayaran pampasan bagi risiko yang dihadapi oleh seseorang, sama ada dalam bentuk kematian, kerosakan atau kehilangan harta dan sebagainya. Institusi ini mengumpul dana melalui pengeluaran premium insurans dan berjanji untuk memberikan sejumlah pampasan sekiranya berlaku kemalangan atau bencana kepada mereka yang telah mengambil atau melanggan polisi insurans. Secara amnya, dana yang dikumpulkan oleh syarikat insurans dilaburkan dalam urusanniaga sekuriti atau dipinjamkan kepada pihak lain. Terdapat pelbagai jenis insurans iaitu insurans kesihatan, psikiatrik, pendidikan, kemalangan, kenderaan, dan lain-lain. Kemudahan insurans dapat membantu mengurangkan beban masyarakat apabila pencari nafkah untuk keluarga ditimpa musibah atau harta benda musnah akibat bencana.

Manakala, Koperasi Simpanan dan Pinjaman koperasi merupakan koperasi yang menjalankan perniagaan dengan menerima deposit dan memberi pinjaman kepada ahli-ahlinya yang memerlukan pembiayaan dana dengan kadar faedah yang rendah. Koperasi ini turut berperanan mendidik ahli-ahlinya untuk menguruskan kewangan lebih cekap melalui pembayaran caruman ahli secara tetap untuk simpanan ahli bersama-sama bayaran ansuran pinjaman setiap bulan. Kelebihan yang ditawarkan oleh koperasi ini adalah ahli boleh mendapat pinjaman dengan mudah tanpa prosedur permohonan yang rumit, kadar faedah pinjaman yang diberikan agak rendah, ahli boleh mengelakkan daripada meminjam dari agensi kewangan tidak berlesen, boleh menikmati keuntungan tahunan koperasi yang dikongsi bersama ahli dan pinjaman tidak memerlukan sebarang cagaran.

Selain itu, syarikat awam pegadaian yang merupakan sebuah institusi kewangan tempatan turut menyediakan pinjaman wang bagi tempoh jangka pendek dengan jaminan iaitu gadaian barangan atau aset tertentu. Jumlah pinjaman yang

diberikan bergantung kepada nilai barang yang dicagarkan atau digadaikan. Fungsi utama syarikat umum pajak gadai ini adalah membantu setiap lapisan masyarakat terutamanya golongan kelas pertengahan dan bawahan yang sukar mendapatkan pinjaman dengan prosedur yang mudah dan cepat. Institusi Dana Pecen juga adalah satu institusi kewangan bukan perbankan yang menguruskan wang pecen. Wang pecen adalah dana yang disediakan oleh kerajaan kepada kakitangan awam atau syarikat kepada para pekerja yang telah mencapai usia persaraan sebagai simpanan pada hari tua. Secara khususnya, institusi ini menguruskan dana pecen yang diperolehi daripada yayasan atau syarikat sebagai cagaran untuk ahli-ahli yang berkenaan. Institusi ini berperanan meningkatkan kebajikan masyarakat (terutama pegawai negeri dan tentera kebangsaan Indonesia, pekerja swasta dan pesara) dan simpanan di usia tua.

Usaha Mikro, Kecil dan Sederhana (UMKM) memainkan peranan penting dalam perkembangan dan pertumbuhan ekonomi, bukan sahaja di negara-negara membangun, tetapi juga di negara maju. Menurut Aharoni (1994), UMKM di negara maju mencapai kejayaan sebanyak 99 peratus daripada jumlah unit perniagaan dalam semua kategori. Perusahaan Kecil dan Sederhana menjadi topik perbincangan pelbagai pihak malahan UMKM ini dianggap sebagai penyelamat kepada ekonomi Indonesia dalam tempoh krisis tahun 1992-2000 (Manurung, Adler & Haymans, 2007). UMKM ini mempunyai ciri modal yang kecil, kurang berisiko, kadar pulangan yang tinggi dan mendorong kepada kejayaan perniagaan. Konsep UMKM sangat berbeza dari satu negara ke negara yang lain. UMKM di Indonesia telah mendapat perhatian dan disokong oleh pihak kerajaan dengan mewujudkan satu kementerian khas iaitu Kementerian Koperasi dan UMKM.

Dengan adanya kementerian ini yang mengendalikan sektor UMKM secara khusus, maka UMKM di Indonesia akan berkembang pesat dan menarik minat sebahagian besar tenaga kerja Indonesia. Dengan pelbagai masalah ekonomi yang berlaku seperti krisis kewangan, kemeleketan ekonomi dan proses globalisasi serta peningkatan sumbangan oleh sektor UMKM maka terdapat keperluan untuk mengkaji UMKM ini dengan lebih mendalam. Hal ini penting untuk mengetahui prestasi, profil dan arah pembangunannya bagi menentukan dasar yang boleh diambil oleh kerajaan untuk mengukuhkan ekonomi di Indonesia. Dari segi modal, UMKM dibiayai oleh BPR. Hal ini disebabkan UMKM beroperasi di hampir semua sektor ekonomi seperti pertanian, perdagangan, peruncitan, perumahan, perkhidmatan, tabungan dan sebagainya. Skop UMKM yang meluas di seluruh pelosok negara menyebabkan seluruh rakyat dapat memperolehi manfaat daripada perkhidmatan yang disediakan. Tambahan pula, pendekatan teknologi mudah yang digunapakai menjadikan UMKM mesra perkhidmatan dan mesra pengguna.

Dari segi pembiayaan, modal yang diberikan oleh UMKM adalah dalam amaun yang kecil supaya lebih ramai peminjam dapat memperolehi pembiayaan modal tersebut dan ia merupakan strategi penyebaran risiko kredit. Bagi usahawan mikro, pinjaman modal ini memberi faedah dan menambah nilai kepada perniagaan mereka. Kesannya, perniagaan semakin maju apabila jumlah pelanggan semakin bertambah, perolehan semakin meningkat dan keuntungan semakin banyak. Hal ini selari dengan objektif utama BPR untuk menyediakan perkhidmatan kepada perniagaan mikro, kecil dan sederhana serta masyarakat desa. Bentuk pemilikan dalam Akta Bank Desa adalah syarikat terhad, koperasi atau syarikat serantau.

Seterusnya, salah satu kajian penting BPR di Indonesia telah dijalankan oleh Robinson (1992). Kajian ini memfokuskan tentang penggantian kewangan bagi BPR

di Indonesia dengan memberi tumpuan kepada kredit mikro yang diberikan oleh BPR kepada pasaran mikro di kawasan pedalaman. Keputusan kajian menunjukkan bahawa Indonesia adalah salah satu negara berkembang yang memiliki kinerja (prestasi) yang sangat baik dalam mengembangkan medium kewangan dalam kalangan masyarakat desa. Hasil daripada kejayaan BPR menunjukkan masyarakat desa di Indonesia menerima baik sekiranya pasaran kredit terbuka untuk persaingan secara umum. Keputusan kajian juga mendapati sebenarnya masyarakat desa mempunyai banyak alternatif pembiayaan kredit sama ada dalam bentuk formal atau tidak formal.

Manakala, kajian oleh Hendri, et al. (2008) yang mengkaji peranan BPR dalam pembiayaan mikro bagi perniagaan kecil (UMKM) di kawasan luar bandar mendapati peranan BPR dalam mengembangkan perniagaan mikro di wilayah Sumatra Barat adalah sangat signifikan. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa usaha yang perlu dilaksanakan bagi meningkatkan keupayaan BPR kerana masih terdapat banyak jurang dalam melaksanakan perkhidmatannya. Malah, satu kajian yang hampir sama dijalankan oleh Bank Indonesia pada tahun 2009 turut memperlihatkan terdapat beberapa penyesuaian yang dilakukan oleh BPR dalam pengeluaran mikro kredit. Pembiayaan modal oleh UMKM melalui pinjaman kredit sebenarnya digunakan untuk aktiviti pengeluaran dan timbal balas ini mengukuhkan lagi strategi BPR dalam meningkatkan pinjaman. Kewujudan BPR di Indonesia memberikan kesan positif terhadap perkembangan ekonomi negara terutamanya dalam kegiatan perusahaan mikro, kecil dan sederhana. Kesan positif ini termasuklah mewujudkan peluang pekerjaan, merapatkan jurang pendapatan dan peluang perniagaan yang sama rata di Indonesia.

Jadual 1.1

*Data Jumlah Pembiayaan Kredit Bank komersial dan Bank Perkreditan Rakyat  
(billion RM)*

Tahun	Bank Perkreditan Rakyat	Kenaikan (%)	Bank komersial	Kenaikan (%)	Jumlah
2005	6,03	-	380,09		386,12
2006	7,30	21.03	460,12	21.06	467,42
2007	8,86	21.42	567,50	23.33	576,37
2008	10,43	17.74	671,74	18.36	682,17
2009	12,02	17.90	760,72	13.24	772,75
2010	14,62	21.62	921,97	21.19	936,59
2011	17,84	22.00	1,137,48	23.37	1,155,33
2012	21,58	20.95	1,390,89	22.27	1,606,47
2013	24,85	15.13	1,607,76	15.59	1,632,61
2014	28,97	16.60	1,822,97	13.38	1,851,94
2015	32,86	13.42	1,984,09	8.83	2,016,96
2016	36,46	10.93	2,190,30	10.39	2,226,76
	Purata	18.15	Purata	17.36	

Sumber data : ([www.ojk.go.id](http://www.ojk.go.id), 2016.)

Jadual 1.1 diatas menunjukkan pembiayaan BPR dari tahun 2005 hingga tahun 2016 yang mengalami kenaikan purata yang lebih besar iaitu sebanyak 18.15 peratus berbanding Bank Komersial sebanyak 17.36 peratus. Meskipun purata pembiayaan dari tahun 2005 hingga tahun 2016 hanyalah 1.56 peratus namun ia memberikan implikasi yang besar kepada pembangunan ekonomi di Indonesia. Walaupun dibandingkan dengan purata pembiayaan bank komersial sebanyak 98.46 peratus, pembiayaan oleh BPR sangat diperlukan oleh perusahaan mikro, kecil dan sederhana kerana segmen perniagaan yang ditawarkan adalah berbeza. Oleh itu, prestasi BPR perlu dikekalkan dan dipertingkatkan bagi memaksimumkan prestasi sektor perbankan secara keseluruhannya.



Aktiviti perniagaan yang boleh dilakukan oleh BPR perlulah bersesuaian dengan Undang-Undang Nombor 10 Tahun 1998, iaitu:

- i. Pengumpulan dana daripada masyarakat dalam bentuk deposit.
- ii. Pemberian kredit.
- iii. Penyediaan pembiayaan kepada pelanggan berdasarkan prinsip hasil.
- iv. Perletakan dana dalam bentuk Sijil Bank Indonesia (SBI), dana deposit atau simpanan di bank lain.

Aktiviti perniagaan yang tidak boleh dijalankan oleh BPR termasuklah:

- i. Penerimaan deposit dalam bentuk deposit permintaan.
- ii. Pengendalian trafik kewangan seperti pemindahan, pembayaran atau arahan.
- iii. Pengendalian aktiviti perniagaan dalam pertukaran wang asing.
- iv. Pengendalian perniagaan insurans.
- v. Penyertaan perniagaan dalam pelaburan modal.

### **1.1.1 Perbezaan antara BPR dengan bank komersial**

Bank Perdagangan Komersial mengumpul dana daripada individu dalam bentuk deposit masa, simpanan dan /atau bentuk lain yang setara. Bank ini adalah bank yang menjalankan aktiviti komersial konvensional dan/atau berlandaskan prinsip syariah dalam urusan perkhidmatan trafik pembayaran. Salah satu fungsi bank komersial adalah mengumpul dana daripada orang awam dalam bentuk deposit permintaan, deposit masa, deposit sijil, deposit biasa, dan/atau bentuk lain yang setara.

Perbezaan seterusnya dapat dilihat dari segi bentuk tabungan yang dikumpulkan dari orang ramai. Bank komersial mengumpul dana dalam bentuk deposit permintaan dan sijil deposit manakala BPR tidak mengumpul dana dalam

bentuk deposit permintaan dan sijil deposit dan hanya menerima deposit. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa BPR tidak boleh melakukan transaksi permintaan seperti mana yang dilakukan oleh bank komersial. Jadual 1.2 menunjukkan perbezaan diantara bank komersial dan Bank Perkreditan Rakyat.

Jadual 1.2

*Perbezaan Bank Komersial dengan Bank Perkreditan Rakyat*

No	BANK KOMERSIAL	BANK PERKREDITAN RAKYAT (BPR)
1	Mengumpul dana awam dalam bentuk deposit permintaan, deposit simpanan dan deposit masa.	Hanya menerima dana dalam bentuk deposit tabungan dan deposit masa.
2	Menyediakan perkhidmatan pembayaran.	Tidak terlibat dalam perkhidmatan pembayaran kerana tidak menerima dana melalui deposit permintaan.
3	Boleh melakukan aktiviti pertukaran mata wang asing.	Aktiviti pertukaran mata wang asing adalah dilarang.
4	Boleh menjalankan perniagaan insurans	Tiada perniagaan insurans.
5	Jumlah modal minimum yang mesti didepositkan jika Bank komersial mempunyai deposit minimum sebanyak RM 1,000,000,000 untuk dapat membuka Bank komersial	RM 666,666.66 untuk BPR yang didirikan di Wilayah Daerah Khusus Ibukota Jakarta Raya dan Kabupaten/Kotamadya Tangerang, Bogor, Bekasi dan Karawang.  Modal pada angka RM 333,333 untuk BPR yang didirikan di wilayah ibukota provinsi diluar wilayah tersebut. Modal pada angka RM 166,666.5

Sumber : ([www.bi.go.id](http://www.bi.go.id), 2016.)

Jadual 1.3

*Perbezaan Fungsi Bank Komersial dan Bank Perkreditan Rakyat di Indonesia*

Fungsi Bank	Produk yang dihasilkan	
	Bank komersial	BPR
<i>Agent of trust/simpanan</i>	- Giro - Tabungan - Deposit	- Tabungan - Deposit
<i>Agent of service/perkhidmatan</i>	- Pindahan - perkhidmatan pembayaran. - pertukaran mata wang asing.	Tiada
<i>Agen of development/ kredit</i>	- Pelaburan - Modal Kerja - Habis pakai - Antar bangsa	Ada had  - Tempatan
Jangkauan	- Nasional	- Daerah

Sumber : ([www.bi.go.id](http://www.bi.go.id), 2016.)

Jadual 1.3 menunjukkan bank komersial mempunyai lebih banyak cawangan dengan jumlah aset yang besar hasil daripada pemindahan dana antara bank, kutipan pembayaran dan jualan mata wang asing berbanding Bank Kredit Rakyat. Merujuk kepada Undang-undang Nombor 10 Tahun 1998 yang berkaitan dengan perbankan di Indonesia, bank ditakrifkan sebagai sebuah entiti perniagaan yang mengumpul dana daripada orang awam dalam bentuk deposit dan mengagihkan semula kepada orang awam dalam bentuk pinjaman dan atau bentuk lain dengan tujuan meningkatkan taraf hidup rakyat.

Merujuk kepada Undang-Undang Nombor 10 Tahun 1998 yang berkaitan dengan perbankan di Indonesia mentakrifkan bank komersial sebagai bank yang menjalankan perniagaan konvensional dan/atau berdasarkan prinsip syariah dalam

aktivitinya yang menyediakan perkhidmatan transaksi pembayaran. Aktiviti yang dijalankan adalah mengumpulkan dana daripada orang awam dalam bentuk deposit, memberikan pinjaman, menerbitkan surat pengakuan hutang, menjamin risiko atas arahan pelanggan dan memindahkan wang untuk kepentingan sendiri atau kepentingan pelanggan. Sementara itu, bank perkreditan rakyat didefinisikan sebagai bank yang menjalankan perniagaan konvensional dan/atau berdasarkan prinsip syariah tetapi tidak menyediakan perkhidmatan transaksi pembayaran dalam operasi bank. Aktiviti yang dijalankan bagi bank ini adalah hanya menerima simpanan dalam bentuk deposit berjangka dan tabungan, memberikan kredit atau pinjaman, menempatkan dananya dalam bentuk sijil di Bank Indonesia. Berdasarkan fungsinya diatas, boleh diklasifikasikan kepada dua iaitu bank komersial atau Bank Perkreditan Rakyat.

Jadual 1.4

*Jumlah Bank Komersial dan Bank Perkreditan Rakyat Secara Nasional*

Tahun	2012	2013	2014	2015	2016
<b>Jumlah Bank :</b>					
Bank komersial	120	120	119	118	116
Bank Perkreditan Rakyat	1,653	1,635	1,643	1,636	1,663
<b>Jumlah Pejabat cawangan:</b>					
Bank komersial	29,945	31,847	32,739	32,949	32,730
Bank Perkreditan Rakyat	4,425	4,678	4,895	5,982	6,075

Sumber data : ([www.ojk.go.id](http://www.ojk.go.id), 2016.)

Berdasarkan jadual 1.4 diatas, jumlah bank komersil di Indonesia bagi tahun 2012 dan 2016 adalah 120 dan 116 bank. Manakala jumlah BPR pada tahun 2012 dan 2016 adalah 1,653 dan 1,663. Ini menunjukkan bahwa jumlah bank berkurang sebanyak 3.3 peratus, tetapi jumlah BPR bertambah sebanyak 0.06 peratus.

### **1.1.2 Kecekapan Bank Perkreditan Rakyat**

Ukuran kecekapan industri perbankan adalah parameter prestasi yang sangat penting. Pengiraan kadar keuntungan syarikat biasanya digunakan untuk menunjukkan hasil prestasi yang baik namun pengiraan ini adakalanya tidak menunjukkan prestasi bank yang sebenar menurut peraturan Bank Indonesia. Keuntungan syarikat yang tinggi tidak boleh dianggap sebagai mempunyai prestasi kos bank adalah berdasarkan nilai perbelanjaan yang ditanggung oleh beberapa syarikat perbankan dibandingkan dengan kos firma perbankan yang terbaik. Kecekapan kos ditakrifkan sebagai nisbah kos minimum di mana firma boleh menghasilkan sejumlah output dengan kos sebenar yang ditanggung oleh syarikat perbankan (Ansari, 2006). Nilai kecekapan kos yang menggunakan kaedah DEA adalah dalam bentuk peratusan. Nilai yang hampir kepada 100% menunjukkan bahawa bank berfungsi dengan cekap.

Analisis kecekapan adalah berdasarkan keupayaan untuk menghasilkan output maksimum dengan input sedia ada atau menggunakan input yang minimum untuk menghasilkan output tertentu. Bank yang paling cekap mempunyai nilai tertinggi iaitu 100% manakala kecekapan bank lain diukur secara relatif (Hadad, 2003). Dalam usaha meminimumkan tahap risiko, bank perlu bertindak secara rasional dari segi memberi perhatian kepada masalah kecekapan. Menurut Permono (2000), terdapat tiga perkara yang mempengaruhi tahap kecekapan iaitu terdapat rangkaian birokrasi yang berterusan, salah memperuntukan dalam penggunaan sumber yang ada dan tidak mempunyai skala ekonomi. Oleh itu, kajian analisis kecekapan perlu dilakukan dengan segera untuk menentukan punca dalam perubahan tahap kecekapan supaya tindakan pembetulan dapat di ambil untuk mencapai peningkatan kecekapan.

Kajian ini memberi tumpuan kepada jenis bank kedua di Indonesia iaitu BPR. Rasionalnya BPR adalah salah satu pemangkin utama dalam pembangunan ekonomi. Peranan BPR menjadi semakin penting selaras dengan program-program kerajaan untuk menyokong dan membangun jenis perniagaan ini sebagai salah satu pengerak ekonomi negara. Oleh itu, prestasi dan kecekapan BPR adalah sangat penting untuk mengekalkan pencapaian sektor perbankan negara yang memberi kesan kepada pertumbuhan sektor perniagaan mikro, kecil dan sederhana (Septiani & Lestari, 2016).

Sehingga kini, sektor perbankan memainkan peranan yang penting dalam pembangunan ekonomi. Peranan pembangunan yang dimainkan oleh sektor perbankan memperlihatkan langkah-langkah untuk membangunkan ekonomi. Oleh itu kestabilan sektor perbankan adalah kunci kepada pembangunan ekonomi. Hal ini kerana fungsi utama bank adalah menggerakkan deposit daripada unit-unit lebih kepada unit-unit defisit dalam bentuk pinjaman kepada pelbagai sektor seperti pertanian, perindustrian, isi rumah dan kerajaan. Namun, kebelakangan ini, institusi kewangan dilihat sangat berhati-hati dalam memberi pinjaman ekoran masalah pembayaran balik oleh peminjam (Sontakke & Tiwari, 2013).

Bank memainkan peranan penting bagi negara-negara membangun kerana kebanyakan peminjam tidak mempunyai akses kepada pasaran modal (Daniel & Wandera, 2013). Oleh yang demikian, bank dianggap sebagai pengantara kepada pendeposit dan peminjam. Menurut Rawlin et al. (2012), Muhammad Haris (2019), tujuan utama sesuatu perniagaan adalah untuk memperoleh keuntungan. Oleh itu, setiap aset dijana dalam melaksanakan operasi perniagaan perlu menghasilkan pendapatan kepada perniagaan tersebut. Oleh kerana isu ini berkaitan dengan urusan sektor perbankan, pihak bank perlulah memberi pertimbangan yang

sewajarnya kepada pengurusan pinjaman kerana pembiayaan pinjaman adalah aktiviti utama bank komersil dan pinjaman biasanya menjadi aset utama dan sumber pendapatan yang penting bagi bank komersil (Daniel & Wandera, 2013). Pemberian pinjaman kepada individu, organisasi perniagaan dan kerajaan ini bagi membolehkan mereka beroperasi dan menyertai aktiviti pelaburan dan pembangunan sebagai salah satu kaedah untuk menyumbang ke arah pembangunan ekonomi negara secara umum dan membantu perkembangan perniagaan khususnya.

Deposit di bank adalah diimbangi oleh margin yang lebih tinggi dari penciptaan kredit seperti pinjaman. Walau bagaimanapun, jika aset tersebut tidak menjana sebarang pendapatan, keupayaan bank untuk membayar balik jumlah deposit pada tarikh matang akan menjadi persoalan. Oleh itu, bank dan aset tersebut akan menjadi lemah dan bank yang lemah akan kehilangan kepercayaan dan keyakinan pelanggan. Banyak kajian telah dibuat bagi menganalisis masalah-masalah yang dihadapi oleh institusi kewangan di negara maju mahupun negara membangun (Tendia et al., 2012). Sektor perbankan berdepan risiko gagal dalam perniagaan akibat daripada pengurusan yang tidak cekap, ketidakcukupan modal dan kualiti aset yang rendah, membawa kepada aset yang tidak berbayar punca kegagalan operasi sektor perbankan (Sontakke dan Tiwari, 2013). Sementara itu, Iago Cotrim Henriques (2019), mendapati bahawa pengurangan bank di Brazil adalah berkaitan dengan masalah teknikal dan pentadbiran daripada skala operasi, walaupun bank mempunyai banyak peluang untuk peningkatan dalam aspek kedua, terutama bank yang lebih besar. Hasanul Banna (2018), mengkaji efisiensi sektor perbankan di kawasan Sino-ASEAN. Beliau mendapati bahawa semasa tempoh sebelum krisis, bank-bank milik China dan Indonesia lebih cenderung menjadi cekap disebabkan lokasi geografinya.

Kecekapan merupakan perbandingan antara output dengan input, kemampuan mendapatkan output yang maksimum dengan input yang minimum dalam ukuran yang sesuai bagi industri kewangan. Pada amnya, BPR sebagai sebuah organisasi ukuran kecekapan tidak berbeza dengan organisasi yang lain. Namun, tahap kecekapan BPR perlu dilihat secara setara dengan tahap keberkesanannya kerana kos perkhidmatan yang tinggi bagi ahli diimbangi dengan keuntungan untuk mendapatkan perkhidmatan yang lebih baik. Sebagai institusi ekonomi, BPR akan mengalami proses pertumbuhan yang kemudiannya berkembang menjadi lebih besar. Pada tahap perkembangan ini, masalah kecekapan tidak boleh diambil ringan kerana menurut sejarah perkembangan BPR di Indonesia, faktor kecekapan sangat mempengaruhi dalam hal ini (Hendar & Kusnadi, 2005).

Kajian ini memfokuskan kepada BPR sahaja walaupun terdapat banyak bank di Indonesia iaitu bank umum, bank daerah, bank asing berdasarkan justifikasi yang akan di berikan dalam bahagian seterusnya. Kajian ini dijalankan di wilayah Jawa Barat Indonesia dengan 254 sampel berdasarkan populasi BPR yang aktif iaitu sebanyak 333 BPR (sumber: [www.bi.co.id](http://www.bi.co.id) 2016).

## **1.2 Pernyataan Masalah**

Di Indonesia, bilangan BPR didapati semakin meningkat dari tahun ke tahun. Sebagai contoh, data menunjukkan bahawa dari tahun 2012 hingga 2016 terdapat peningkatan BPR daripada 1653 buah 1663 buah. Secara tidak langsung, ini melambangkan peningkatan daripada jumlah modal yang dilaburkan dalam BPR. Modal yang dilaburkan ini pastilah memerlukan pulangan yang setimpal supaya BPR dapat meneruskan kesinambungannya dalam memberi perkhidmatan pembiayaan kepada kumpulan sasarannya.



Namun begitu, pengukuran kecekapan BPR dalam menghasilkan pulangan yang optimum masih belum dapat dipastikan kerana kajian yang menumpukan kepada kecekapan BPR masih sangat terhad. Sorotan kajian mencadangkan beberapa pemboleh ubah seperti yang telah dinyatakan sebelum ini dan dibincangkan secara mendalam dalam bab 2. Isu kecekapan BPR dalam menjana keuntungan daripada modal sedia ada adalah amat penting kerana dalam mana-mana ekonomi sekalipun, modal adalah terhad. Oleh kerana BPR ini telah wujud dalam jangkamasa yang lama tetapi pengukuran tahap kecekapannya masih belum dapat dikenalpasti maka adalah sukar bagi pihak penyumbang modal untuk menjustifikasi sumbangan tersebut dan sukar untuk menjangka pulangan yang bakal diterima daripada pelaburan tersebut. Maka aspek ketidaktentuan (*uncertainty*) akan meningkat bagi pihak penyumbang dana. Ini akan memberi kesan kepada sistem pemodalanan BPR kerana terdapat pelbagai peluang pelaburan lain dipasaran bagi pihak yang mempunyai dana lebihan. Tanpa dana mencukupi maka BPR tidak akan dapat berfungsi secara optimum dalam menyediakan modal kepada para peminjam yang biasanya terdiri daripada pihak yang mungkin mempunyai nilai kebolehhutangan (*credit worthiness*) yang rendah.

Di Indonesia, kemampuan BPR dalam menyediakan akses kewangan kepada Usaha Mikro, Kecil dan Sederhana (UMKM) sememangnya telah diiktiraf (Hartono et al., 2008). Namun begitu, kajian lepas juga menunjukkan perbezaan tahap kecekapan yang ketara antara bank komersial dan BPR (Suliyanto & Dian, 2014) dalam menjalankan operasinya. Memandangkan bank komersial mempunyai struktur operasi dan kawalan yang lebih ketat dan terancang, maka pihak pengurusan BPR juga perlu mengkaji faktor-faktor penentu kecekapan bank komersial dan mengadaptasikannya kepada sistem pengurusan operasi BPR kerana terdapat juga persamaan dalam tatacara pengurusan institusi kewangan secara umum. Penumpuan

terhadap tatacara pengurusan kos juga perlu diberi perhatian serius oleh pihak pengurusan BPR kerana kos yang tinggi relatif kepada hasil melambangkan ketidakcekapan pengurusan. Oleh kerana itu semua faktor pengurusan hasil dan kos secara dalaman dan yang boleh dikawal oleh pihak pengurusan BPR perlu diteliti secara terperinci. Dengan cara ini pihak pengurusan BPR yang terdapat di Indonesia akan dapat menyediakan satu piawaian yang boleh diikuti untuk meningkatkan kecekapan BPR masing-masing. Kesenambungan BPR dan peranannya dalam menyediakan pembiayaan kos rendah kepada pihak yang memerlukan dana akan terus dapat dipertahankan demi meningkatkan kemakmuran rakyat dan ekonomi negara Indonesia.

Pembangunan BPR setiap tahun telah meningkat secara kuantitatif. Data dari tahun 2012 hingga 2016 menunjukkan bilangan BPR yang aktif telah meningkat daripada 1653 unit ke 1663 unit. Hal ini turut memperlihatkan peningkatan jumlah aset, jumlah modal, jumlah kos operasi, jumlah keuntungan bagi BPR. Selari dengan ini, aset dan wang yang telah dikeluarkan sebagai pinjaman juga turut meningkat. Data daripada 34 (provinsi) di Indonesia pada tahun 2016 menunjukkan terdapatnya 1663 BPR dan daripada jumlah itu 333 terletak di Jawa Barat. Bilangan sampel yang digunakan dalam kajian ini adalah 254 buah BPR.

Kejayaan BPR diukur daripada prestasinya. Salah satu alat pengukuran yang digunakan adalah faktor kecekapan BPR dalam menjalankan operasinya. Kajian kecekapan BPR di Provinsi Jawa Barat ini, pembolehubah input adalah harga buruh iaitu, jumlah perbelanjaan pentadbiran dan perbelanjaan (*administrative and general expenses*) bahagi jumlah aset, harga modal iaitu, jumlah perbelanjaan faedah bahagi jumlah aset tetap dan harga dana iaitu jumlah perbelanjaan faedah bahagi jumlah simpanan. Pemboleh ubah output pula adalah jumlah deposit (jumlah simpanan pihak

ke-tiga), jumlah pelaburan (jumlah penanaman modal), dan jumlah pinjaman (jumlah kredit atau pinjaman yang diberikan kepada pihak ke-tiga). Oleh itu, analisis kecekapan sangat diperlukan untuk menentukan tahap keupayaan yang perlu diambil untuk meningkatkannya (Edi Hartono, 2009). Walaupun jumlah BPR masih kecil, kemampuan untuk menyediakan akses kewangan yang lebih luas kepada UMKM di Indonesia adalah sangat penting (Hartono et al., 2008). Kajian lepas tidak menunjukkan perbezaan tahap kecekapan yang ketara antara Bank komersial dan BPR (Suliyanto & Dian, 2014), akibat daripada masalah yang sama iaitu pengurusan perbelanjaan yang belum mencapai tahap maksimum.

Masalah yang dihadapi oleh BPR adalah modal terhad, kerana modal berbayar ini berasal dari pemilik BPR, yang rata-rata masih pemilik modal kecil. Ini menyebabkan modal berbayar ke BPR juga kecil. Selain itu, BPR juga terpaksa menanggung kos dana yang tinggi yang berasal dari simpanan, simpanan tetap dan simpanan dalam bentuk lain yang setara, atau apa yang dikenali sebagai Dana Pihak Ketiga (DPK). Sumber dana yang mahal menyebabkan BPR terpaksa mengenakan kadar faedah yang lebih tinggi ke atas pinjaman yang diberikannya. Untuk meningkatkan prestasi dan kemapanan BPR, Bank Indonesia telah meminta kerjasama kumpulan Bank Pembangunan Daerah (BPD) untuk menyasarkan sebahagian besar kredit ke sektor produktif dan meningkatkan fungsi pengantaraan terutama bagi UMKM dengan usahasama melalui program *Linkage* dan menjadi bank APEX (Bank Induk untuk BPR). Program usahasama antara BPD dan BPR merupakan usaha untuk meningkatkan peranan operasi BPR ke atas sektor Usaha Mikro, Kecil dan Sederhana (UMKM) dan kepada masyarakat terutamanya daripada golongan berpendapatan rendah. Namun begitu, kadar faedah yang dikenakan oleh BPR ke atas pinjaman adalah agak tinggi dan dianggap membebankan. Oleh itu,

kerjasama BPD sebagai rakan niaga BPR dapat mengurangkan kadar faedah yang dikenakan kepada penghutang BPR (Business News, 2011). Sehingga kini, hanya empat bank pembangunan serantau (BPD) telah menjadi APEX BPR iaitu Bank Jawa Timur, Bank Riau, dan Kepulauan Riau, Bank Nagari dan Bank Kalimantan Selatan. Dengan adanya APEX ini, diharapkan komitmen bank komersil untuk melindungi BPR dan seterusnya meningkatkan jumlah UMKM yang diberi pembiayaan pada kadar faedah yang lebih berpatutan.

Ada kajian yang mengukur tahap kecekapan BPR menggunakan nisbah daripada laporan kewangan contohnya nisbah kecairan, nisbah sewaan, nisbah aktiviti dan pusingan modal. Kajian oleh Nimade (2015), Fitri (2014), Dewi (2016), Ariyanti (2017) dan Eko(2016) mengukur kecekapan dengan membandingkan antara input dan output dengan menggunakan kaedah *Data Envelopment Analysis* (DEA) dan SFA. Walaupun kedua-dua kaedah ini yang telah digunakan untuk mengukur kecekapan institusi kewangan, tetapi kaedah DEA masih belum digunakan secara meluas. Kajian yang menggunakan kaedah DEA dilakukan oleh Yusniar (2007), Solikah (2011), Kusuma (2010), Slamet (2011), Ayuni (2012) dan Ardhiani (2014). Kajian Ayuni (2012) adalah untuk mengetahui kecekapan prestasi kewangan Koperasi Pegawai Republik Indonesia (KPRI) di Kota Malang, serta menganalisis hasil referensi / *benchmarking* dan *Potential Improvement* yang diperoleh untuk memperbaiki kecekapan prestasi di masa hadapan. Kaedah DEA ini menggunakan model CRS, VRS, dan *Scale Efficiency*. Manakala, Ardhiani (2014) mengkaji kecekapan teknikal Koperasi Simpan Pinjam (KSP) yang berprestasi baik menggunakan kaedah DEA. Hasil analisis DEA menunjukkan bahawa terdapat tiga daripada empat KSP daerah (provinsi) yang cekap manakala terdapat 14 daripada 21

KSP kabupaten yang cekap. KSP yang cekap dijadikan penanda aras bagi KSP yang belum cekap.

Terdapat kesukaran dalam mengkaji BPR secara menyeluruh di peringkat kabupaten, wilayah kota, provinsi dan seluruh Indonesia. Masalah utama kajian adalah sukar mendapatkan data laporan kewangan yang berturutan dengan mudah dan cepat. Masalah ini menjadi halangan utama bagi kajian pada peringkat wilayah, provinsi dan seluruh wilayah Indonesia yang sangat luas. Pengkaji perlu berurusan terus dengan BPR yang ingin dikaji bagi mendapatkan data melalui laporan kewangan BPR tersebut. Tiada laporan kewangan yang boleh didapati daripada pejabat BPR kerana BPR sudah menghantar data tersebut kepada kerajaan. Hal ini menjadi masalah utama bagi kajian tentang BPR. Oleh itu, penyelidikan ini bertujuan untuk mengkaji prestasi dan faktor-faktor yang mempengaruhi kecekapan BPR di wilayah Jawa Barat Indonesia. Disamping itu, kajian ini juga ingin mengenalpasti sama ada faktor penentu kecekapan bagi BPR konvensional berbeza berbanding BPR syariah dan berbeza bagi BPR bersaiz besar berbanding BPR bersaiz kecil. Secara keseluruhannya, isu kecekapan BPR ini adalah sangat penting untuk dikaji kerana ia melibatkan hal pengurusan sumber organisasi yang terhad serta pengagihan sumber yang juga terhad. Oleh kerana itu, kecekapan organisasi BPR bergantung kepada kecekapan pengurusan sumber yang mempunyai kos yang tinggi dan bagaimana sumber tersebut diagihkan kepada peminjam dengan cara yang terbaik, dan pada waktu yang sama ia perlulah membawa keuntungan kepada BPR bagi memastikan kesinambungannya (*survival*).

### **1.3 Objektif Kajian**

Berdasarkan latar belakang kajian dan pernyataan masalah, beberapa objektif kajian dibentuk. Terdapat tiga objektif bagi kajian ini iaitu:

1. Untuk mengenalpasti pengaruh faktor-faktor penentu kecekapan BPR di Indonesia.
2. Untuk mengenalpasti samada faktor penentu kecekapan bagi BPR konvensional berbeza berbanding BPR syariah.
3. Untuk mengenalpasti samada faktor penentu kecekapan bagi BPR bersaiz besar berbeza dengan faktor penentu kecekapan BPR yang bersaiz kecil.

### **1.4 Persoalan Kajian**

Prestasi perniagaan BPR yang meluas dan pelbagai akan terkesan sekiranya sumber sedia ada seperti aset kewangan, sumber manusia dan sistem pengurusan tidak menjana pulangan yang optimal. Berdasarkan objektif kajian, yang dinyatakan sebelum ini, sembilan persoalan kajian dinyatakan untuk kajian ini iaitu :

1. Apakah faktor-faktor penentu kecekapan berpengaruh terhadap kecekapan BPR di Indonesia?
2. Apakah faktor penentu kecekapan bagi BPR Konvensional berbeza berbanding BPR syariah?
3. Apakah faktor penentu kecekapan bagi BPR bersaiz besar berbeza dengan BPR bersaiz kecil?

### **1.5 Kepentingan Kajian**

BPR dapat menyediakan dan mengagihkan dana kepada masyarakat. Kemudahan ini bertujuan untuk meningkatkan pembangunan negara secara

menyeluruh di setiap pelosok di Indonesia selain meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan mengekalkan kestabilan negara. Kesannya, tahap kesejahteraan rakyat Indonesia dapat diperbaiki melalui program-program yang dikeluarkan oleh BPR bersesuaian dengan hasrat kerajaan memberikan bantuan kepada bank desa, perusahaan kecil, penternak, pesara, usahawan kecil dan mewujudkan peluang pekerjaan yang lebih luas kepada masyarakat. Sumbangan bank luar bandar kepada tahap ekonomi di Indonesia adalah sangat besar dari segi ekonomi (Handika & Fransiska, 2016) yang mana perniagaan kecil memainkan peranan dalam menyokong mikro. Kajian ini akan memberi penjelasan tentang fungsi, peranan dan perkara yang berkaitan dengan kecekapan BPR di wilayah Jawa Barat Indonesia. Kebiasaannya, BPR memberikan perkhidmatan kepada individu dengan modal yang kecil di sektor tidak formal yang lebih berisiko. Sasaran BPR adalah untuk memenuhi keperluan UMKM yang belum dapat dipenuhi oleh bank komersil lain bagi mewujudkan jaringan perkhidmatan perbankan yang sama, peluang ekuiti perniagaan, penggihan pendapatan dan sebagainya. Oleh itu, peningkatan kecekapan, prestasi, pengurusan dan pentadbiran perlu diperbaiki bagi meminimumkan risiko perniagaan. Ini mengelakan golongan ini daripada meminjam wang atau modal daripada agensi pinjaman wang haram.

Selain itu, pembangunan BPR yang pada asasnya tumbuh daripada sektor tidak formal telah memberikan sumbangan besar kepada ekonomi rakyat. Sasaran BPR adalah memenuhi keperluan para petani, penternak, nelayan, usahawan kecil, pekerja dan pesara yang tidak dapat dipenuhi oleh bank komersial. Ini bertujuan mewujudkan jaringan perkhidmatan perbankan yang meluas, peluang meningkatkan ekuiti perniagaan, dan pengagihan modal. Usaha ini mampu mengelakkan golongan terbabit daripada meminjam wang atau modal daripada agensi pinjaman wang haram.

Kajian ini juga boleh digunakan sebagai rujukan kepada para pelajar dan penyelidik lain agar pengetahuan tentang BPR dapat berkembang dan dapat digunakan sebagai panduan kepada masyarakat dan negara supaya maklumat dan informasi tentang BPR akan difahami dengan lebih jelas.

Selain itu, hasil kajian ini juga dapat digunakan oleh kerajaan Indonesia dalam mengatur dan mengkaji potensi BPR yang ada. Memandangkan BPR adalah penyumbang utama sumber modal untuk perniagaan kecil khususnya kerana membantu mewujudkan peluang pekerjaan. Maka, dapatan kajian prestasi BPR ini dapat memberi maklumat berguna dan relevan kepada pembuat dasar. Manakala bagi pelanggan dan pemilik, kajian ini memberikan kesedaran dan pendedahan kepada kaedah yang boleh digunakan bagi mengkaji kecekapan perkhidmatan mereka. Adalah penting untuk memastikan BPR berjaya menggunakan semua sumber yang ada dengan cara yang paling efektif dan cekap untuk memenuhi objektif BPR. Di samping itu, penyelidikan ini juga dapat menjadi rujukan penting kepada rakyat di Indonesia kerana BPR merupakan salah satu organisasi terpenting dalam ekonomi komuniti dan masyarakat agar dapat memahami organisasi BPR sedia ada dengan lebih mendalam. Kajian terdahulu berkaitan kecekapan BPR hanya tertumpu kepada bilangan BPR yang kecil. Kajian ini akan mengambil kira jumlah BPR yang lebih banyak berbanding kajian terdahulu. Oleh kerana itu, kajian ini memberi sumbangan dengan mengisi sebahagian jurang yang masih wujud dalam kajian BPR di Indonesia untuk kegunaan ilmiah, masyarakat dan pembuat dasar yang berkaitan.

## **1.6 Skop Kajian**

Kajian ini memfokuskan BPR di Wilayah Jawa Barat Indonesia sahaja kerana wilayah ini didiami paling ramai penduduk iaitu 48,680,000 orang berbanding